

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Utusan Malaysia, Bisnes – Friday, 14 August 2009

Hadkan pelantikan pengarah bebas

KUALA LUMPUR 13 Ogos – Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) menyarankan Maybank Banking Bhd. (Maybank) memastikan tempoh pelantikan pengarah bebas dihadkan tidak melebihi 12 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rita Benoy Bushon dalam kenyataannya di sini berkata, institusi perbankan itu juga perlu mempunyai pelan pelapis bagi barisan kepimpinan bagi menghadapi sebarang kemungkinan seperti yang berlaku sekarang.

“MSWG menyambut baik perubahan kepimpinan Lembaga Pengarah Maybank yang dibuat secara berperingkat-peringkat dan tidak menimbulkan gangguan operasi bank itu,” kata beliau.

Beliau mengulas mengenai perubahan berperingkat dalam senarai Lembaga Pengarah Maybank yang dilakukan sejak Mac tahun ini dan kali terakhir 15 Julai lalu.